

30 NOV 1998

LAC-Lima

LAC DIADAKAN SELANG SELI DENGAN LIMA

LANGKAWI, 30 Nov (Bernama) -- Karnival Udara Langkawi (LAC 1998) akan diadakan secara berselang seli dengan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) bagi menampakkan kemeriahannya, kata Pengerusi penganjur LAC 1998, Datuk Haji Abdul Halil Mutalib.

Beliau berkata LIMA diadakan dua tahun sekali dengan membabitkan pesawat lebih besar serta canggih sebaliknya LAC juga dua tahun sekali dengan pertunjukan pesawat jenis ringan.

Abdul Halil yang juga Presiden Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) yakin LAC 1998 yang akan diadakan mulai 5 hingga 7 Dis di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi mendapat sambutan dan menjadi pembuka jalan ke arah LIMA 1999.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju merasmikan LAC 1998 pada 5 Dis ini, ia diadakan julung-julung kali di pulau perangan ini.

Beliau berkata LAC 1998 akan memberi peluang kepada pelajar dan rakan muda tempatan menjadi juruterbang dan mengendalikan pesawat ringan.

"Ini adalah peluang terbaik yang perlu direbut oleh pelajar dan belia untuk menceburi dalam aktiviti penerbangan sebagai membuka jalan untuk mengendalikan pesawat lebih besar", katanya.

Menurutnya sehingga ini lebih 60 pesawat ringan dari Kelab-kelab penerbangan di seluruh negara dan luar negeri termasuk enam dari Singapura dan Thailand mengesahkan turut serta pada LAC 1998.

KRUL akan mempamerkan lima pesawat miliknya termasuk Twin dan GT500 yang dibeli daripada Amerika Syarikat.

LAC 1998 dianjurkan oleh KRUL, Jabatan Penerangan Awam Malaysia manakala acara sampingan dikelolakan oleh Red Creative Sdn Bhd.

Beberapa acara lain turut diatur untuk memeriahkan LAC 1998 termasuk pertunjukan payung terjun, pesawat dan helikopter, pameran pesawat dan acara sampingan pertandingan melipat kapal terbang kertas, membaling kapal terbang kertas turut diadakan.

Bagi menarik lebih ramai pengunjung acara sampingan akan turut diadakan seperti sepak takraw terbuka Langkawi, bola sepak jalanan dan bola tampar jalanan.

Orangramai yang menyaksikan pameran pesawat itu hanya dikenakan RM1 seorang.

-- BERNAMA

ZI WAT